

09 JAN 2001

Abdul Hamid-Haji (Bergambar)

UMAT ISLAM DIMINTA GUNA DUIT LEBIHAN HAJI BIAYAI PENDIDIKAN

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Orang Islam yang sudah menunaikan fardu haji diminta supaya memanfaatkan lebih wang mereka untuk berbuat kebaikan lain yang juga dituntut oleh agama seperti membiayai pendidikan pelajar miskin dan bukannya bagi mengerjakan haji berulang kali.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Abdul Hamid Othman berkata amalan mengerjakan haji berulang kali berpunca daripada salah faham sesetengah orang Islam yang berpendapat fardu Ain seperti sembahyang lima waktu, puasa, haji dan zakat sahaja dituntut Islam sedangkan fardu kifayah, tidak.

"Mereka ini berlumba-lumba mengerjakan haji berulang kali sedangkan ia diwajibkan sekali sahaja seumur hidup dan melupakan tuntutan Islam lain dalam aspek fardu Kifayah," katanya ketika berucap merasmikan majlis penyampaian sumbangan Telekom Malaysia Berhad untuk jemaah haji, di sini, hari ini.

Dr Abdul Hamid menegaskan sebenarnya Islam juga menitikberatkan penganutnya mengerjakan fardu Kifayah yang meliputi pembangunan ummah dalam aspek duniawi seperti ekonomi, pendidikan, sosial, pertahanan serta sains dan teknologi.

Beliau berkata sikap mengutamakan fardu Ain dan melupakan tuntutan fardu Kifayah berpunca daripada unsur-unsur kefahaman Islam yang salah.

"Unsur-unsur kefahaman seperti ini perlu dibanteras segera kerana sekiranya dibiarkan ia akan menjerumuskan umat Islam ke tahap keruntuhan," katanya.

Pada Jumaat lepas, Dr Abdul Hamid mengumumkan bahawa beliau telah menyerahkan surat peletakan jawatannya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, keputusan itu dibuat bagi membolehkan beliau memberi tumpuan kepada kerja pembangunan umat Islam dalam aspek fardu Kifayah.

Pada majlis hari ini, Dr Abdul Hamid menerima beg selendang, punjut kasut, botol air, tuala muka dan tag bagasi bernilai RM612,000 sumbangan Telekom Malaysia untuk jemaah haji yang menunaikan fardu haji tahun ini.

Telekom Malaysia juga menyediakan perkhidmatan telefon "Malaysia Direct" bagi memberi kemudahan kepada jemaah haji Malaysia menghubungi keluarga mereka di tanah air.

Melalui perkhidmatan ini, jemaah haji tidak perlu membuat sebarang bayaran semasa membuat panggilan kerana caj panggilan akan dibilkan kepada akaun nombor telefon yang menerima panggilan berkenaan.

-- BERNAMA

NY ZS RHM